

## PLBE Ipoh-Padang Besar tingkat penggunaan kereta api

PADANG RENGAS 1 Nov. – Projek Landasan Berkembar Elektrik (PLBE) Ipoh-Padang Besar mampu meningkatkan penggunaan pengangkutan kereta api di negara ini setanding negara maju apabila ia siap sepenuhnya pada Disember 2013.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Kong Cho Ha berkata, keyakinan itu berdasarkan sambutan menggalakkan terhadap perkhidmatan kereta api sektor Ipoh-Kuala Lumpur terutamanya selepas pelancaran perkhidmatan komuter dan tren elektrik (ETS) Ogos lalu.

“Berdasarkan sambutan yang menggalakkan di sektor Ipoh-Kuala Lumpur, maka Kementerian Pengangkutan

tan percaya projek sektor Ipoh-Padang Besar akan membantu meningkatkan prestasi dan keupayaan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB).

“Selain itu, ia akan menggalakkan lebih ramai orang menggunakan perkhidmatan kereta api yang pada masa ini hanya mewakili tiga peratus daripada penggunaan keseluruhan berbanding sebanyak 30 peratus di negara-negara maju,” katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Penembusan Terakhir Terowong Berapit bagi PLBE Ipoh-Padang Besar yang diterajui kontraktor utama, MMC-Gamuda JV Sdn. Bhd. (MMC-Gamuda) di sini hari ini.

Terowong sepanjang 3.3 kilometer

itu merupakan terowong berkembar kereta api terpanjang di Asia Tenggara dan antara mercu tanda dalam projek PLBE Ipoh-Padang Besar yang menelan belanja RM12.485 bilion.

Mercu tanda lain dalam PLBE Ipoh-Padang Besar adalah jambatan marin Bukit Merah sepanjang 3.5 kilometer, jambatan atas tanah sepanjang 27 kilometer di Perak, terowong Larut sepanjang 342 meter dan jambatan berbuai sepanjang 282 meter di Prai, Pulau Pinang.

Menurut Cho Ha, negara kini berada di landasan yang betul ke arah memajukan perkhidmatan kereta api di seluruh negara.



**KERJA-KERJA** pembinaan Projek Landasan Berkembar Elektrik (PLBE) dari Ipoh ke Padang Besar mencapai satu peristiwa penting apabila pasukan kejuruteraan dan pembinaan MMC-Gamuda Joint Venture (MGJV) berjaya menembusi bahagian terakhir terowong berkembar Berapit di Talping, Perak, semalam. – BERNAMA